

107

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK NOOR EHSANUDDIN BIN MOHD HARUN
KAWASAN : KOTA TINGGI
TARIKH : 8 MAC 2018
NO. SOALAN : 45 - PR-1361-L04171

SOALAN

Datuk Noor Ehsanuddin Bin Mohd Harun Narrashid [Kota Tinggi] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah usaha-usaha yang dijalankan oleh Kementerian dalam mempertingkatkan hubungan dagangan dua hala dengan negara Iran.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Iran merupakan sebuah pasaran yang berpotensi besar bagi eksport dan destinasi pelaburan memandangkan negara tersebut adalah ekonomi yang kedua terbesar di Asia Barat selepas Arab Saudi. Menurut laporan Bank Dunia, Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Iran berjumlah USD412.2 bilion pada tahun 2016. Iran juga mempunyai pasaran yang besar dengan jumlah penduduk seramai 78.8 juta orang.

2. Penarikan balik sebahagian daripada sekatan ekonomi dan kewangan antarabangsa yang dikenakan terhadap Iran pada tahun

2016 telah membuka peluang yang luas bagi kerjasama dua hala di antara Kerajaan Malaysia dan Iran.

3. Pada tahun 2017, jumlah perdagangan Malaysia dengan Iran mencatatkan pertumbuhan sebanyak 61.2% mencapai RM4.52 bilion berbanding dengan RM2.81 bilion pada tahun sebelumnya. Daripada nilai dagangan tersebut, jumlah eksport adalah sebanyak RM3.25 bilion dan import bernilai RM1.28 bilion.

4. Bagi memanfaatkan peluang ini, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri serta agensi-agensi telah melaksanakan pelbagai inisiatif bagi meningkatkan hubungan ekonomi dua hala dengan Iran. Antara usaha-usaha terkini yang dilaksanakan adalah:

- (i) Rundingan Perjanjian Perdagangan Keutamaan Malaysia-Iran (MIPTA) yang telah dimulakan pada bulan Oktober 2017 dan dijangka akan dapat dimuktamadkan menjelang penghujung tahun 2018;
- (ii) Mesyuarat Suruhanjaya Bersama Ekonomi (JEC) Malaysia-Iran yang julung kali diadakan pada 5-8 Jun 2017 di Tehran. Mesyuarat ini telah dipengerusikan bersama oleh YB Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri serta rakan sejawatnya di Iran. Pada mesyuarat tersebut, kedua-dua negara telah bersetuju untuk memulakan proses rundingan MIPTA;

- 109
- (iii) Penganjuran beberapa siri forum seperti '*Business Seminar on Doing Business in Iran*' pada 5 April 2016 anjuran MATRADE bersama Malaysian Oil and Gas Services Council (MOGSC) dan Iran-ASEAN Business Council (IABC) serta '*International Conference on Investment and Business Opportunities in Post Sanction Era in Iran*' anjuran MIDA dari 26-27 Julai 2017;
 - (iv) Penganjuran Misi Galakan Perdagangan dan Pelaburan ke Tehran, Iran yang diketuai oleh YB Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri pada 21-25 Oktober 2016. Misi juga turut disertai oleh syarikat *Bukhary International Ventures* dan PROTON serta Maybank; dan
 - (v) Penerbitan '*Guidelines on Doing Business with Iran*' oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri pada April 2016 sebagai panduan bagi menjalankan perniagaan dengan Iran.

5. Untuk memantapkan lagi usaha mempromosi aktiviti perdagangan dua hala Malaysia dan Iran, segala usaha mengkoordinasi aktiviti promosi dan penggalakan perdagangan dan pelaburan Iran sedang diselia oleh pejabat MATRADE di Dubai, Emiriah Arab Bersatu. Manakala Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) juga telah membuka semula operasi pejabat serantaunya di Tehran, Iran pada 7 Oktober 2017 bagi mempromosikan minyak sawit Malaysia di negara tersebut.

Sekian, terima kasih.